

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 OGOS 2016**

---

**1. PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN  
PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA  
HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-78.

Seramai 31 orang daripada MPSP telah mendapat pengurniaan pingat yang terdiri daripada seorang Ahli Majlis telah dikurniakan Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dan 30 orang pegawai dan kakitangan Majlis. Berikut adalah pecahan jumlah kurniaan Bintang dan Pingat kepada pegawai dan kakitangan Majlis (senarai nama penerima Pingat dan Bintang seperti pada *Lampiran*):

<b>Bil</b>	<b>Pengurniaan Pingat dan Bintang</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Bintang Cemerlang Negeri (BCN)	1
2.	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)	6
3.	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)	10
4.	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)	11
5.	Pingat Bakti Setia (PBS)	2
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>

*Green Warriors* seramai lima (5) orang awam yang aktif dalam aktiviti kitar semula juga dikurniakan Darjah Kebesaran dan Pingat seperti berikut (senarai nama penerima seperti di *Lampiran*):

<b>Bil</b>	<b>Pengurniaan Pingat dan Bintang</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Darjah Johan Negeri (DJN)	2
2.	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)	1
3.	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)	2
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>

## **2. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN PENGENAAN NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2015**

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2016 adalah selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2016.

Waktu operasi kaunter bayaran di Ibu Pejabat Perda akan

dilanjutkan pada 30 Ogos 2016 dan waktunya adalah seperti berikut:-

HARI / TARIKH	WAKTU OPERASI KAUNTER
<b>Selasa (30/8/2016)</b> Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	7.30 pagi hingga 8.30 malam
<b>Rabu (31/8/2016)</b>	<b>Cuti Umum Hari Kebangsaan (Pembayaran boleh dibuat secara online)</b>

Selepas dari tempoh tersebut, MPSP akan mengenakan caj Notis E sebanyak RM10.00 bermula 1 September 2016 ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan segera bagi mengelakkan harta dari disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

### **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-59**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-59 pada 31 Ogos 2016 (Rabu) kepada

seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Hari Kemerdekaan atau tahun 2016 menekankan kepada semangat kejawaan dan bersatu hati rakyat Malaysia apabila Sehati Sejiwa masih dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia untuk tahun 2016.

Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga Seberang Perai terutama pemilik premis perniagaan dapat menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

#### **4. SAMBUTAN HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September 2016 (Jumaat). Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963.

## **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA**

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 12 September 2016 ( Isnin ). Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 4 September 2016 ( Ahad ) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 18 September 2016 ( Ahad ) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 September 2016 ( Ahad ). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**